



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Ibrohim Malee. (2023). Penyebaran sistem vokal DMP di Yaha. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 267–287. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.12>

PENYEBARAN SISTEM VOKAL DMP DI YAHA
(Dissemination of DMP Vocal System in Yaha)

Ibrohim Malee

Fakulti Kemanusiaan, Ramkhamhaeng University

Corresponding author: himmee14@gmail.com

Received: 12/4/2022

Revised: 7/2/2023

Accepted: 1/4/2023

Publish 31/7/2023

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan melihat ciri linguistik bagi setiap varian yang wujud di Yaha. Bentuk vokal dilihat dari segi kesejajaran dan penyebarannya dalam ruang geografi, sama ada wujudnya persamaan ataupun perbezaan dalam varian tersebut. Metodologi yang digunakan ialah metodologi kualitatif yang dimanfaatkan dalam kajian dialektologi, khususnya kajian lapangan yang berkaitan dengan lokasi kajian, pemilihan informan, pengumpulan data dan menganalisis data. Hasil dapatan menunjukkan bahawa di tujuh kawasan kampung yang menggunakan varian itu, pertama wujudnya kesejajaran dan penyebaran sistem fonologi bagi vokal pada sesetengah kawasan kampung di Yaha. Kedua, dialek Melayu Patani Yaha dapat dibahagikan kepada tiga varian utama, iaitu varian Yaha asli atau varian tempatan Yaha, varian pendatang (varian Pattani) dan varian campuran. Ketiga-tiga varian utama yang diperolehi daripada kawasan kajian menunjukkan bahawa varian di Yaha atau sub-varian Yaha mempunyai ciri-ciri linguistik yang agak berbeza dengan varian-varian lain di selatan Thailand (Patani). Hal ini dikatakan demikian

kerana melalui kajian ini, keunikan dialek, terutama sekali dialek Melayu yang wujud di selatan Thailand dapat diketengahkan.

Kata kunci: Dialektologi, ciri linguistik, fonologi, sistem vokal, varian Yaha.

ABSTRACT

This research set out to examine the linguistic characteristics of Yaha vowel variants. The forms of the vowels, are viewed in terms of their alignments and dispersion in geographical space, particularly on the variants' similarities or differences. This qualitative-based research which focused on dialectology research and employed field work, paid particular attention on sound distribution and its geographical areas, selection of informants, collection of data and analysis of data. The research findings found that seven villages used the Yaha vowel variants. Alignments and distribution phonological system of vowels were also found in some villages in Yaha. There are three main vocal variants, notably the native or local variant of Yaha, immigrants' variant (Pattani's variant) and mixed variant. From the three main variants derived, it was shown that the variant or sub-Yaha variant is characterized by a relatively different linguistic variant in southern Thailand (Patani). The uniqueness of Malay dialects that is prevalent in southern Thailand is also demonstrated in this research.

Keywords: *Dialectology, linguistic characteristics, phonology, vocal system, Yaha variants.*

PENGENALAN

Dialek ialah variasi atau kelainan daripada satu bahasa. Dialek dicirikan dengan bentuk linguistik tertentu dan dituturkan dalam kawasan tertentu. Ia berlainan daripada bentuk bahasa baku, baik dari segi sebutan, tatabahasa ataupun penggunaan kata-kata tertentu. Akan tetapi, kelainan tersebut tidaklah begitu ketara untuk dianggap sebagai satu bahasa lain. Walaupun terdapat ciri yang membezakan antara satu dialek atau subdialek dalam sesuatu bahasa yang sama, namun penuturnya masih dapat saling memahami antara satu sama lain

(Robins, 1968: 59). Menurut Chambers dan Trudgill (1990), bahasa terdiri daripada sekumpulan dialek dan penutur dialek ini pula saling memahami antara satu sama lain. Kesalingfahaman yang wujud ini disebabkan adanya ciri linguistik tertentu yang sama daripada aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Menurut Ruslan Uthai (2011), dialek Melayu Patani (DMP) ialah satu dialek yang dituturkan di kawasan wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian daripada Songkhla. DMP mempunyai beberapa variasi dengan setiap variasi mempunyai ciri masing-masing yang berbeza dengan yang lain, terutamanya dari segi bunyi dan semantik. Ciri-ciri tersebut dianggap sebagai ciri istimewa DMP. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan oleh Ruslan Uthai (2011), DMP dibahagikan kepada sepuluh variasi. Namun, Ruslan Uthai (2011) hanya memfokuskan aspek fonologi dan morfologi terhadap proses dan isu yang berlaku dalam DMP dan kajian beliau tidak mengetengahkan aspek pemetaan DMP. Selain itu, juga belum terdapat kajian yang merincikan aspek geografi DMP di Yaha yang terletak di wilayah Yala, khususnya kajian yang meneliti pemetaan dialek geografi varian Yaha dengan membandingkan kampung-kampung yang terdapat dalam daerah Yaha. Oleh itu, kajian ini ingin merincikan DMP dengan memberikan fokus kepada sistem vokal bagi melihat kesejajaran dan penyebaran dialek ini sama ada terdapat persamaan atau pun perbezaan varian di kawasan Yaha.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian lapangan merupakan metodologi yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif ini. Kajian hanya mencakupi data dan analisis data. Data diperolehi daripada kawasan kajian, yakni daerah Yaha yang dipilih sebagai daerah pengamatan kajian. Yaha merupakan satu daerah daripada lapan daerah yang berada di wilayah Yala, Selatan Thailand. Daerah Yaha bersempadanan di sebelah utara dengan daerah Mueang Yala dan daerah Sabayoi Songkhla. Di sebelah selatannya pula Yaha berhubungan dengan daerah Bannang Setar, yang masih lagi berada di wilayah Yala, dan dengan negeri Kedah, Malaysia. Sebelah timur Yaha berhubungan dengan daerah Mueang, dan daerah Krong Pinang, kedua-duanya di wilayah Yala, serta sebelah baratnya berhubungan dengan daerah Kabang wilayah Yala. Daerah Yaha mempunyai tujuh mukim. Tiap-tiap mukim mempunyai pelbagai

informan bagi mendapatkan bunyi dan sebutan yang jelas tentang subdialek mereka.

Setelah data dikumpul, proses penganalisan data dilakukan. Data yang diperoleh daripada lapangan ditranskripsikan dan dianalisis mengikut langkah-langkah penganalisan berdasarkan pendekatan kajian dialektologi sinkronik. Ajid Che Kob (1985) menggariskan bahawa antara matlamat-matlamat yang harus dipenuhi dalam menghasilkan kajian yang bersifat sinkronis ini, termasuklah:


1. Mendeskripsikan varian atau perbezaan unsur-unsur kebahasaan yang terdapat dalam dialek yang dikaji. Perbezaan ini mencakupi bidang fonologi dan leksikal. Deskripsi perbezaan fonologi turut merangkumi perbezaan fonetik yang membolehkan pengkaji melihat proses fonologi yang berlaku.
2. Setelah memperoleh segala data tentang pelbagai varian bahasa dari beberapa aspek yang ingin diteliti, seperti fonologi, dan leksikal, langkah seterusnya yang dilakukan ialah memetakan varian atau unsur perbezaan tersebut ke atas peta kawasan atau daerah kajian. Hal ini bertujuan menentukan kawasan yang menggunakan varian A, dan kawasan yang menggunakan varian B.
3. Matlamat seterusnya digerakkan berdasarkan distribusi atau penyebaran variasi fonologi dan leksikal untuk mengenal pasti kampung yang tergolong dalam dialek A dan kampung yang tergolong dalam dialek B. Jarak yang jauh antara kedua-dua kawasan penempatan yang pada asalnya menggunakan dialek yang sama boleh menjadi faktor kepada timbulnya perbezaan penggunaan bentuk linguistik. Semakin jauh jarak pertempatan, semakin sukar interaksi dan semakin lama semakin banyak varian yang wujud antara kedua-duanya.
4. Setelah ciri linguistik yang berbeza atau varian yang diteliti dalam sesuatu kawasan dipetakan mengikut kampung atau tempat yang menggunakannya dan kawasan penggunaannya dibataskan melalui isoglos, langkah yang seterusnya adalah dengan memberikan huraian atau deskripsi berdasarkan kesamaan dan perbezaan yang menandakan atau yang membezakan sesuatu dialek atau subdialek, misalnya dialek A dengan dialek B.

HASIL DAPATAN

Bahasa Melayu Standard terdiri daripada sistem enam vokal (Asmah, 2008:171), iaitu vokal /i/, /e/, /ə/, /a/, /o/ dan /u/. Vokal ini boleh menempati lingkungan awal, tengah dan akhir kata. DMP yang tergolong dalam dialek Melayu Pantai Timur, seperti dialek Kelantan dan dialek Terengganu terdiri daripada sistem lapan vokal, iaitu vokal /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/, /ɛ/ dan /ɔ/. Sistem lapan vokal yang terdapat di DMP yang digunakan di Yaha pernah diperhatikan oleh Sareeyah Star (2016).

Rajah 2

Rajah Vokal Bentuk Lidah DMP Varian Yaha



Setiap vokal dianalisis dan diteliti penyebarannya dengan meneliti setiap posisi perkataan, iaitu pada suku kata awal dan suku kata akhir, sama ada yang melibatkan suku kata terbuka mahupun suku kata akhir tertutup. Analisis terhadap kehadiran vokal setiap lingkungan ini bertujuan memperlihatkan kesejajaran yang berlaku antara DMP dengan variannya yang dituturkan di Yaha. Penyebaran dan kesejajaran vokal dilihat saling bertumpang tindih antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Ringkasnya, kesemua vokal memperlihatkan penyebaran dan kesejajaran dengan vokal lain dalam sesuatu kata. Berikut merupakan perbincangan hasil dapatan sistem vokal DMP varian Yaha.

1. Vokal Depan

Vokal depan dalam DMP varian Yaha terbahagi kepada empat, iaitu vokal depan /i/, /e/, /ɛ/ dan /a/.

1.1 Vokal Depan Sempit /i/

Vokal depan sempit /i/ boleh hadir dalam lingkungan suku kata awal, tengah kata dan suku kata akhir. Bunyi vokal ini boleh dihasilkan dengan mengangkat depan lidah tinggi ke langit keras, iaitu setengah antara ketinggian lidah untuk vokal kardinal pertama dengan vokal kardinal yang kedua. Berikut merupakan contoh kesejajaran yang berlaku dalam varian Yaha:

Vokal /i/ pada suku kata awal bagi DMP di Yaha terdapat pada kesemua kawasan kajian. Walau bagaimanapun, setiap perkataan tidak sama cirinya dengan kawasan-kawasan lain. Ini bermaksud, bagi sesetengah perkataan, terdapat kesejajaran dengan vokal /i/ dan sebahagian lagi tidak ada kesejajaran. Namun pengkaji mendapati bahawa vokal depan /i/ mengalami pengguguran pada suku kata awal seperti contoh di bawah:

Jadual 1

Penyebaran Vokal /i/ pada Suku Kata Awal

	Glos	Kawasan Kajian						
		Kg.1	Kg.2	Kg.3	Kg.4	Kg.5	Kg.6	Kg.7
1.	ipar [ipa]	[ipa]	[ipa]	[ipa]	[ipa]	[ipa]	[ipa]	[ipa]
2.	ikan [ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]	[ikɛ]
3.	inti [iti]	[iti]	[iti]	[iti]	[iti]	[iti]	[iti]	[iti]
4.	iman [imɛ]	[imɛ]	[imɛ]	[imɛ]	[imɛ]	[imɛ]	[imɛ]	[imɛ]
5.	isnin [sɔnɛ]/[sɔna]	[sɔnɛ]	[sɔnɛ]	[sɔnɛ]	[sɔnɛ]	[sɔnɛ]	[isɔnɛ]	[sɔna]

Penyebaran vokal /i/ pada suku kata awal varian Yaha bagi perkataan “ipar”, “ikan”, “inti” dan “imam” memperlihatkan tiada kesejajaran dengan semua kawasan Kg. 1-7 menunjukkan realisasi yang sama. Namun bagi perkataan “isnin” memperlihatkan vokal /i/ dalam suku kata awal mengalami pengguguran seperti yang dinyatakan pada perkataan nombor 5 dalam jadual 1 di atas, iaitu kawasan Kg. 1-5 dan 7. Manakala

kawasan Kg. 6 tidak mengalami pengguguran pada suku kata awal. Informan pada kawasan Kg. 6 didapati masih mengekalkan vokal /i/ dalam suku kata awal bagi perkataan [isəŋ] kerana informan tersebut mempunyai pendidikan tinggi.

Vokal /i/ di tengah kata terdapat pada kesemua kawasan kajian. Umumnya, vokal /i/ dalam posisi ini tidak menunjukkan sebarang kesejajaran.

Vokal /i/ pada suku kata akhir terbuka terdapat pada semua kawasan dan tidak mempunyai kesejajaran bagi vokal /i/ dalam suku kata akhir terbuka. Namun, untuk sesetengah kawasan, vokal /i/ dalam suku kata akhir terbuka mempunyai kesejajaran, iaitu diikuti oleh konsonan /ŋ/ pada akhir kata.

Jadual 2

Penyebaran Vokal /i/ pada Suku Kata Akhir Terbuka

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg.1	Kg.2	Kg.3	Kg.4	Kg.5	Kg.6	Kg.7
1. dahi	[dahi]	[dahi]	[dahi]	[dahi]	[dahi]	[dahi]	[dahi]
2. pipi	[pipi]	[pipi]	[pipi]	[pipi]	[pipi]	[pipi]	[pipi]
3. api	[api]	[api]	[api]	[api]	[api]	[api]	[api]
4. bumi	[bɔmi]	[bɔmiŋ]	[bɔmiŋ]	[bɔmiŋ]	[bɔmiŋ]	[bɔmi]	[bɔmi]
5. tinggi	[tiŋi]/[tiŋiŋ]	[tiŋiŋ]	[tiŋiŋ]	[tiŋiŋ]	[tiŋiŋ]	[tiŋi]	[tiŋi]

Penyebaran vokal /i/ pada suku kata akhir terbuka bagi perkataan “dahi”, “pipi” dan “api” menunjukkan tidak ada kesejajaran dengan semua kawasan Kg. 1-7 dilihat sama realisasinya. Namun, perkataan “bumi” dan “tinggi” memperlihatkan vokal /i/ dalam suku kata akhir terbuka serta ditambah atau diikuti dengan konsonan /ŋ/ pada akhir kata seperti yang berlaku di kawasan Kg. 2-5 dalam contoh no. 4 dan 5. Manakala, kawasan Kg. 1, 6 dan 7 menunjukkan tiada penambahan atau penyertaan konsonan /ŋ/. Pada umumnya, konsonan /ŋ/ yang ditambah atau diikuti vokal /i/ pada suku kata akhir terbuka hanya ditemukan pada bunyi-bunyi nasal yang berada pada depan atau awal vokal /i/ dalam suku kata akhir terbuka. Berikut merupakan rajah rumusan yang menunjukkan berlaku kesejajaran vokal /i/ dalam suku kata akhir terbuka:

Rajah 3

$$[-i] \rightarrow \begin{cases} [-i] \\ [-i\eta] \end{cases}$$

Seterusnya, vokal /i/ dalam pada suku kata akhir tertutup wujud pada kesemua kawasan. Namun, dalam posisi ini, vokal /i/ memperlihatkan kesejajaran dengan vokal /e/ dan vokal /ε/.

Jadual 3

Penyebaran Vokal /i/ pada Suku Kata Akhir Tertutup

	Glos	Kawasan Kajian					
		Kg.1	Kg.2	Kg.3	Kg.4	Kg.5	Kg.6
1.manis	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]	[manih]
2.tulis	[tuleh]	[tulih]	[tulih]	[tulih]	[tulih]	[tules]	[tuleh]
3.balik	[keleʔ]	[keliʔ]	[keliʔ]	[keliʔ]	[keliʔ]	[keleʔ]	[keleʔ]
4.sakit	[sakeʔ]	[sakiʔ]	[sakiʔ]	[sakiʔ]	[sakiʔ]	[sakeʔ]	[sakeʔ]
5.sedikit	[sikeʔ]/[sikiʔ]	[sikeʔ]	[sikeʔ]	[sikeʔ]	[sikeʔ]	[sikiʔ]	[sikiʔ]

Penyebaran vokal /i/ pada suku kata akhir tertutup bagi perkataan “manis” memaparkan tidak ada kesejajaran, dengan semua kawasan Kg. 1-7 memperlihatkan realisasi yang sama. Meskipun begitu, perkataan “tulis”, “balik” dan “sakit” menunjukkan adanya vokal /i/ posisi suku kata akhir tertutup dengan kesejajaran seperti yang dinyatakan dalam jadual 3 di atas, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 perkataan tersebut diujarkan dengan /e/, manakala di kawasan Kg. 2-5, perkataan tersebut diujarkan dengan /i/. Perkataan “sedikit” juga memperlihatkan terdapat kesejajaran pada vokal /i/ posisi suku kata akhir tertutup seperti yang dicontohkan dalam jadual 3 di atas, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 mengujarkan perkataan “sedikit” dengan /ε/, manakala kawasan Kg. 2-5 mengujarkan perkataan ini dengan /i/ pada suku kata akhir tertutup. Berikut merupakan rajah rumusan yang menunjukkan berlaku kesejajaran vokal /i/ pada suku kata akhir tertutup:

Rajah 4

$$[-is]/ [-it] \rightarrow \begin{pmatrix} -i? \\ -e? \\ -\epsilon? \end{pmatrix}$$

1.2 Vokal Depan Separuh Sempit /e/

Vokal depan separuh sempit, /e/ dihasilkan dengan alat-alat artikulasi hampir sama dengan kedudukan untuk menghasilkan /i/ tetapi bahagian depan lidah ke bawah sedikit. Kedudukan bibir adalah hampir dan bukaan rahang adalah sederhana. Hasil daripada penelitian menunjukkan bahawa vokal /e/ boleh hadir dalam semua lingkungan. Lihat contoh berikut:

Vokal /e/ pada suku kata awal muncul di semua kawasan. Dalam masa yang sama, terdapat kesejajaran untuk vokal /e/ dalam posisi ini dengan vokal /i/ dan /ε/ ditemukan di sesetengah kawasan kajian.

Jadual 4

Penyebaran Vokal /e/ pada Suku Kata Awal

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg.1	Kg.2	Kg.3	Kg.4	Kg.5	Kg.6	Kg.7
1.enjin	[edʒen]	[edʒen]	[edʒen]	[edʒen]	[edʒen]	[edʒen]	[edʒen]
2.esok	[eso?]/[esoʔ]	[esoʔ]	[εsoʔ]	[εsoʔ]	[εsoʔ]	[isoʔ]	[esoʔ]

Penyebaran vokal /e/ pada suku kata awal bagi perkataan “enjin” berlaku tanpa kesejajaran dengan semua kawasan Kg.1-7 memiliki realisasi yang sama. Perkataan “esok” pula menunjukkan vokal /e/ dalam posisi ini mempunyai kesejajaran seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 di atas, iaitu kawasan Kg. 1 dan 7 mengujarkan “esok” dengan /e/, kawasan Kg. 2-5 pula membunyikan perkataan tersebut dengan /ε/, manakala kawasan Kg. 6 menyebut /i/. Berikut merupakan rumusan yang menunjukkan berlaku kesejajaran vokal /e/ pada suku kata awal:

Rajah 5

$$[e-] \rightarrow \begin{pmatrix} \varepsilon- \\ e- \\ i- \end{pmatrix}$$

Vokal /e/ di tengah kata didapati pada kesemua kawasan kajian. Umumnya, vokal /e/ dalam posisi ini tidak mempunyai sebarang kesesjajaran.

Vokal /e/ pada suku kata akhir terbuka didapati pada kesemua kawasan kajian dan tiada kesejajaran pada /e/ dalam posisi ini.

Manakala vokal /e/ pada suku kata akhir tertutup pula didapati ada pada kesemua kawasan kajian. Vokal /e/ dalam posisi ini juga memperlihatkan beberapa lingkungan /e/ yang sejajar dengan vokal /i/.

Jadual 5

Penyebaran Vokal /e/ pada Suku Kata Akhir Tertutup

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg. 1	Kg. 2	Kg. 3	Kg. 4	Kg. 5	Kg. 6	Kg. 7
1.zabib	[jabeʔ]	[jabeʔ]	[jabeʔ]	[jabeʔ]	[jabeʔ]	[jabeʔ]	[jabeʔ]
2.jengking	[dzəkeŋ]	[dzəkeŋ]	[dzəkeŋ]	[dzəkeŋ]	[dzəkeŋ]	[dzəkeŋ]	[dzəkeŋ]
3.kapit	[kapiʔ]	[kapeʔ]	[kapeʔ]	[kapeʔ]	[kapeʔ]	[kapiʔ]	[kapiʔ]

Penyebaran vokal /e/ pada suku kata akhir tertutup untuk perkataan “zabib” dan “jengking” berlaku tanpa ada kesejajaran, dengan semua kawasan Kg.1-7 memperlihatkan realisasi yang sama. Perkataan “kapit”, walau bagaimanapun, menunjukkan bahawa vokal /e/ dalam posisi ini mempunyai kesejajaran seperti yang dinyatakan pada perkataan no. 3 dalam Jadual 5 di atas, iaitu kawasan Kg. 1,6 dan 7 mengujarkan perkataan “kapit” dengan /i/, manakala kawasan Kg. 2-5 membunyikan perkataan ini dengan /e/. Berikut merupakan rajah rumusan yang menunjukkan berlaku kesejajaran vokal /e/ pada suku kata awal dengan vokal [i]:

Rajah 6

[-et] → [-iʔ]

1.3 Vokal Depan Separuh Luas /ɛ/

Hasil daripada penelitian terhadap DMP, didapati bahawa vokal depan /ɛ/ dalam DMP ialah vokal sekunder yang hadir dalam tiga lingkungan kata, iaitu lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata.

Vokal /ɛ/ pada suku kata awal didapati terdapat pada kesemua kawasan kajian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa lingkungan /ɛ/ dalam posisi ini yang mempunyai kesejajaran dengan vokal /i/ dan /e/ seperti yang diujarkan pada perkataan “esok” yang telah dinyatakan dalam Jadual 4.

Vokal /ɛ/ di tengah kata terdapat di semua kawasan kajian. Namun, didapati tiada kesejajaran dalam apa-apa lingkungan.

Vokal /ɛ/ pada suku kata akhir terbuka pula didapati pada kesemua kawasan kajian. Secara umumnya, vokal /ɛ/ dalam posisi ini mempunyai kesejajaran, iaitu vokal /ɛ/ dengan vokal rangkap /ai/ dan di setengah kawasan pula, vokal /ɛ/ dalam posisi ini turut diiringi konsonan /ŋ/ pada akhir kata.

Jadual 6

Penyebaran Vokal /ɛ/ pada Suku Kata Akhir Terbuka

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg. 1	Kg. 2	Kg. 3	Kg. 4	Kg. 5	Kg. 6	Kg. 7
1.jam	[dʒɛ]	[dʒɛ]	[dʒɛ]	[dʒɛ]	[dʒɛ]	[dʒɛ]	[dʒɛ]
2.batang	[batɛ]	[batɛ]	[batai]	[batai]	[batai]	[batɛ]	[batɛ]
3.kukuran	[kɔʏɛŋ]	[kɔʏɛ]	[kɔʏɛŋ]	[kɔʏɛŋ]	[kɔʏɛŋ]	[kɔʏɛ]	[kɔʏɛ]
4.kelmarin	[mayɛŋ]	[mayɛ]	[mayɛŋ]	[mayɛŋ]	[mayɛŋ]	[mayɛ]	[mayɛ]

Penyebaran vokal /ɛ/ dalam posisi ini bagi perkataan “jam” memperlihatkan tiada kesejajaran dengan kesemua kawasan Kg. 1-7 menunjukkan realisasi yang sama seperti yang dipaparkan pada perkataan no. 1 dalam Jadual 6. Untuk perkataan “batang”, vokal

/ɛ/ dalam posisi ini memperlihatkan adanya kesejajaran seperti yang dinyatakan pada perkataan no. 2 dalam Jadual 6 di atas, iaitu kawasan Kg. 1, 2, 6 dan 7 menyebut /ɛ/, manakala kawasan Kg. 3-5 menyebut /ai/. Ujaran vokal /ɛ/ dalam posisi ini untuk perkataan “kukuran” dan “kelmarin” menunjukkan bahawa sesetengah kawasan kajian menyebut vokal /ɛ/ dalam posisi ini diikuti dengan konsonan /ŋ/ seperti yang terlihat pada perkataan no. 3 dan 4 dalam Jadual 6, iaitu kawasan Kg. 1,3,4 dan 4 diikuti dengan konsonan /ŋ/, manakala kawasan Kg. 2, 6 dan 7 mengujarkan vokal /ɛ/.

Manakala vokal /ɛ/ pada suku kata akhir tertutup terdapat di semua kawasan kajian. Namun, kajian mendapati tidak terdapat sebarang kesejajaran dalam apa-apa lingkungan.

1.4 Vokal Depan Separuh Luas /a/

Hasil daripada penelitian terhadap DMP, didapati bahawa vokal depan /a/ dalam DMP ialah vokal sekunder yang hadir dalam tiga lingkungan kata, iaitu lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata.

Vokal /a/ pada suku kata awal terdapat pada kesemua kawasan kajian. Walau bagaimanapun, pada sesetengah kawasan kajian, vokal /a/ dalam posisi ini didahului dengan konsonan /h/.

Jadual 7

Penyebaran Vokal /a/ pada Suku Kata Awal

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg. 1	Kg. 2	Kg. 3	Kg. 4	Kg. 5	Kg. 6	Kg. 7
1. ahad	[ahaʔ]	[ahaʔ]	[ahaʔ]	[ahaʔ]	[ahaʔ]	[ahaʔ]	[ahaʔ]
2. ayam	[aje]	[haje]	[haje]	[haje]	[haje]	[aje]	[aje]
3. alih	[aleh]	[haleh]	[haleh]	[haleh]	[haleh]	[alih]	[aleh]
4. atur	[ato]	[hato]	[hato]	[hato]	[hato]	[ato]	[ato]

Penyebaran vokal /a/ dalam posisi ini untuk perkataan “ahad” memaparkan tiada kesejajaran berlaku dengan semua kawasan Kg. 1-7 memperlihatkan realisasi yang sama seperti yang ditemukan pada perkataan no. 1 dalam Jadual 7. Perkataan “ayam”, “alih” dan “atur” pula menunjukkan bahawa vokal /a/ dalam posisi ini didahului dengan konsonan /h/ seperti yang dapat dilihat pada perkataan no. 2,

3, dan 4 dalam Jadual 7, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 mengujarkan /a/. Manakala kawasan Kg. 2-5 ujaran didahului dengan konsonan /h/. Vokal /i/ pada tengah kata terdapat pada kesemua kawasan kajian. Umumnya, vokal /i/ dalam posisi ini tidak mempunyai kesejajaran.

Vokal /a/ pada suku kata akhir terbuka terdapat di semua kawasan kajian. Secara kasarnya, /a/ dalam posisi ini tidak mempunyai apa-apa kesejajaran. Namun, terdapat beberapa lingkungan /a/ dalam posisi yang menunjukkan kesejajaran berdasarkan beberapa kawasan kajian. Vokal /a/ dalam posisi ini mempunyai kesejajaran dengan vokal /ε/ ditemukan di sesetengah kawasan kajian.

Jadual 8

Penyebaran Vokal /a/ pada Suku Kata Akhir Terbuka

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg. 1	Kg. 2	Kg. 3	Kg. 4	Kg. 5	Kg. 6	Kg. 7
1.bantal	[bata]	[bata]	[bata]	[bata]	[bata]	[bata]	[bata]
2.tikar	[tika]/[tike]	[tike]	[tike]	[tike]	[tike]	[tika]	[tika]
3.misai	[misa]/[mise]	[mise]	[mise]	[mise]	[mise]	[misa]	[misa]
4.petai	[pəta]/[pəte]	[pəte]	[pəte]	[pəte]	[pəte]	[pəta]	[pəta]
5.tupai	[tupa]/[tupe]	[tupe]	[tupe]	[tupe]	[tupe]	[tupa]	[tupa]

Penyebaran vokal /a/ dalam posisi ini bagi perkataan “bantal” didapati berlaku tanpa ada kesejajaran dengan semua kawasan Kg. 1-7 menunjukkan realisasi yang sama seperti yang terlihat pada perkataan no. 1 dalam Jadual 8. Namun, bagi perkataan “tikar”, “misai”, “pantai” dan “tupai”, vokal /a/ dalam posisi ini menunjukkan adanya kesejajaran dengan vokal /ε/ seperti yang dipaparkan pada perkataan no. 2-5 dalam jadual 8, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 diujarkan dengan /a/ dan kawasan Kg. 2-5 dibunyikan dengan vokal /ε/. Selain itu, terdapat juga kawasan Kg. 1 yang pengujaran vokal /a/ atau /ε/ berlaku secara silih berganti. Berikut merupakan rajah rumusan yang menunjukkan berlakunya kesejajaran vokal /e/ pada suku kata awal:

Rajah 7

$$[-a] / [-ar] / [-ai] \rightarrow \begin{bmatrix} -a \\ -\epsilon \end{bmatrix}$$

[-ai] pada perkataan “misai” “petai” dan “tupai” merupakan diftong dari segi tulisannya tetapi mengikut fonetik, sebutannya ialah /-ay/. Variasi sebutan, iaitu dari misai [misay] ke [misɛ], petai [pətay] ke [pɔtɛ] dan tupai [tupay] ke [tupɛ] didapati menarik. Perubahan sebutan mungkin juga berlaku daripada –ai [-ay] kepada /ɛ/ atau [a], sebagai contoh, untuk DMP, tapai menjadi [tapɛ], lantai menjadi [latɛ] dan sebagainya.

Vokal /a/ pada akhir kata tertutup terdapat pada kesemua kawasan kajian. Secara umumnya, /a/ dalam posisi ini tidak mempunyai apa-apa kesejajaran.

2. Vokal Tengah

Vokal tengah dalam DMP di Yaha hanya diwakili oleh vokal /ə/. Berdasarkan penelitian, secara fonemiknya, kehadiran vokal ini hanya ditemukan dalam lingkungan tengah kata sahaja dan vokal /ə/ dalam posisi ini tidak mempunyai apa-apa kesejajaran.

3. Vokal Belakang

Vokal belakang dalam DMP di Yaha terbahagi kepada tiga, iaitu vokal belakang /u/, /o/, dan /ɔ/.

3.1 Vokal Belakang Sempit /u/

Berdasarkan analisis terhadap DMP, secara fonemiknya, didapati vokal belakang sempit /u/ boleh hadir pada tiga-tiga lingkungan, iaitu lingkungan suku kata awal, tengah kata dan suku kata akhir sama ada suku kata akhir kata terbuka mahupun tertutup.

Vokal belakang sempit /u/ pada suku kata awal terdapat pada kesemua kawasan kajian. Secara umumnya tiada kesejajaran ditemukan.

Vokal /u/ di tengah kata didapati ada pada kesemua kawasan kajian. Namun, terdapat beberapa lingkungan /u/ dalam poisis ini yang mempunyai kesejajaran dalam beberapa kawasan kajian. Berdasarkan data dalam Jadual 9, /u/ di tengah kata mempunyai kesejajaran dengan /ə/ yang diujarkan di sesetengah kawasan kajian.

Jadual 9

Penyebaran Vokal /u/ di pada Tengah Kata

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg. 1	Kg. 2	Kg. 3	Kg. 4	Kg. 5	Kg. 6	Kg. 7
1. tungku	[tuku]	[tuku]	[tuku]	[tuku]	[tuku]	[tuku]	[tuku]
2. durian	[duyijɛ]	[dɔyijɛ]	[dɔyijɛ]	[dɔyijɛ]	[dɔyijɛ]	[duyijɛ]	[duyijɛ]

Penyebaran vokal /u/ pada tengah kata untuk perkataan “tungku” berlaku tanpa kesejajaran dengan semua kawasan Kg. 1-7 menunjukkan realisasi yang sama seperti yang dipaparkan pada perkataan no. 1 dalam Jadual 9. Namun, perkataan “durian” mempunyai kesejajaran dengan vokal /ə/ seperti yang terlihat pada perkataan no. 2 dalam Jadual 9 di atas, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 mengujar vokal /u/, manakala kawasan Kg. 2-5 menyebut vokal /ə/.

Vokal /u/ pada suku kata akhir terbuka terdapat pada kesemua kawasan kajian. Walau bagaimanapun, vokal /u/ dalam posisi ini didapati tidak mempunyai apa-apa kesejajaran.

Manakala vokal /u/ pada suku kata tertutup terdapat pada kesemua kawasan kajian. Vokal /u/ dalam posisi ini juga mempunyai kesejajaran, iaitu kesejajaran dengan vokal /o/ seperti yang diucapkan di beberapa kawasan.

Jadual 10

Penyebaran Vokal /u/ pada Suku Kata Akhir Tertutup

Glos	Kawasan Kajian							
	Kg.1	Kg.2	Kg.3	Kg.3	Kg.4	Kg.5	Kg.6	Kg.7
1. lutut	[lutuʔ]	[lutuʔ]	[lutuʔ]	[lutuʔ]	[lutuʔ]	[lutuʔ]	[lutuʔ]	[lutuʔ]
2. burung	[buruŋ]	[buruŋ]	[buruŋ]	[buruŋ]	[buruŋ]	[buruŋ]	[buruŋ]	[buruŋ]
3. jarum	[jaruŋ]	[jaruŋ]	[jaruŋ]	[jaruŋ]	[jaruŋ]	[jaruŋ]	[jaruŋ]	[jaruŋ]

Penyebaran vokal /u/ dalam posisi ini bagi perkataan “lutut” menunjukkan tiada kesejajaran berlaku. Semua kawasan Kg. 1-7 memperlihatkan realisasi yang sama seperti yang dapat dilihat

pada perkataan no. 1 dalam Jadual 10. Meskipun begitu, perkataan “burung” dan “jarum” menunjukkan kesejajaran dengan vokal /o/ seperti yang ditemukan pada perkataan no. 2 dan 3 dalam Jadual 10, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 menyebut /u/. Kawasan Kg. 2-5 pula menyebut vokal /o/. Berikut merupakan rumusan yang menunjukkan berlakunya kesejajaran vokal /u/ pada suku kata akhir tertutup:

Rajah 8

$$[o-] \rightarrow \begin{bmatrix} o- \\ u- \end{bmatrix}$$

3.2 Vokal Belakang Separuh Sempit /o/

Hasil analisis yang dilakukan terhadap DMP di Yaha menunjukkan bahawa vokal ini boleh hadir pada lingkungan tengah dan suku kata akhir sama ada suku kata akhir terbuka mahupun tertutup. Berikut merupakan kesejajaran yang diperhatikan:

Vokal /o/ pada suku kata awal tidak banyak dikutip di lapangan, walau bagaimanapun, terdapat /o/ dalam posisi ini. Berdasarkan data dalam Jadual 11, /o/ dalam posisi ini mempunyai kesejajaran dengan vokal /ɔ/ dan /u/ didapati diucapkan di beberapa kawasan.


Jadual 11

Penyebaran Vokal /o/ pada Suku Kata Awal

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg.1	Kg.2	Kg.3	Kg.4	Kg.5	Kg.6	Kg.7
1.otak	[otɔʔ]	[utɔʔ]	[utɔʔ]	[utɔʔ]	[utɔʔ]	[otɔʔ]	[otɔʔ]
2.orang	[oʏɛ]	[uʏɛ]	[uʏɛ]	[uʏɛ]	[uʏɛ]	[oʏɛ]	[oʏɛ]

Penyebaran vokal /o/ pada awal kata varian Yaha bagi perkataan “otak” dan “orang” memaparkan berlakunya kesejajaran, seperti yang tertera pada perkataan no. 1 dan no. 2 dalam Jadual 11, iaitu kawasan Kg. 1, 6 dan 7 membunyikan /u/. Manakala kawasan Kg. 2-5 menyebut dengan vokal /o/. Berikut merupakan rumusan yang menunjukkan berlakunya kesejajaran vokal /o/ pada suku kata awal:

Rajah 9



Vokal /o/ pada tengah kata terdapat di kesemua kawasan kajian, umumnya /o/ dalam posisi ini tidak mempunyai kesejajaran. Vokal /o/ pada suku kata akhir terbuka adat di kesemua kawasan dan secara dasarnya, tiada kesejajaran diperhatikan untuk vokal /o/ dalam posisi ini. Vokal /o/ pada suku kata akhir tertutup pula ditemukan di kesemua kawasan kajian tanpa berlaku sebarang kesejajaran.

3.3 Vokal Belakang Rendah Atas /ɔ/

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap data DMP di Yaha, secara fonemiknya, vokal /ɔ/ didapati hadir pada lingkungan suku kata awal, tengah kata dan suku kata akhir.

Vokal /ɔ/ pada suku kata awal terdapat di kesemua kawasan kajian. Vokal /ɔ/ dalam posisi ini didapati mempunyai kesejajaran dengan vokal /u/ dan /o/ mengikut kawasan kajian seperti yang diterangkan pada bahagian seterusnya.

Jadual 12

Penyebaran Vokal /ɔ/ pada Suku Kata Awal

Glos	Kawasan Kajian						
	Kg. 1	Kg. 2	Kg. 3	Kg. 4	Kg. 5	Kg. 6	Kg. 7
1. umur	[umɔ]	[umɔ]	[umɔ]	[umɔ]	[umɔ]	[ɔmɔ]	[ɔmɔ]
2. urat	[uɣaʔ]	[uɣaʔ]	[uɣaʔ]	[uɣaʔ]	[uɣaʔ]	[ʔɔɣaʔ]	[ʔɔɣaʔ]
3. orang	[uɣɛ]	[uɣɛ]	[uɣɛ]	[uɣɛ]	[uɣɛ]	[ʔɔɣɛ]	[ʔɔɣɛ]

Penyebaran vokal /ɔ/ dalam posisi ini untuk perkataan “umur”, “urat” dan “orang” menunjukkan terdapat kesejajaran, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 12. Kawasan Kg. 6 dan 7 mengujarkan perkataan “umur” dengan vokal /ɔ/, manakala kawasan Kg. 1-5 mengujarkan suku kata awal dengan vokal /u/. Vokal /ɔ/ pada tengah kata dibunyikan pada kesemua kawasan kajian dengan vokal /ɔ/ dalam posisi ini tidak menunjukkan kesejajaran.

Vokal /ɔ/ pada suku kata akhir terbuka dan vokal /ɔ/ pada suku kata akhir tertutup hadir pada kesemua kawasan kajian tanpa apa-apa kesejajaran.

KESIMPULAN

Setelah meneliti serta memerhatikan persamaan dan perbezaan antara pelbagai varian di Yaha, didapati bahawa sebahagian varian yang digunakan di kawasan Yaha mempunyai ciri linguistik yang seragam dengan varian yang terdapat di kawasan wilayah Pattani. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penutur varian Pattani menggunakan varian pendatang di kawasan daerah Yaha. Manakala sebahagian besar penutur varian Yaha di kawasan Yaha merupakan penutur asal yang tinggal di Yaha. Berdasarkan penganalisisan yang dilakukan terhadap vokal varian Yaha di kawasan Yaha dapat dirumuskan bahawa varian Yaha terbahagi kepada tiga varian utama (lihat Jadual 13).

Jadual 13

Pembahagian Varian Yaha Utama


Glos	kawasan ciri A	kawasan ciri B	kawasan ciri C
1. kukuran	[kɔyɛŋ]	[kɔyɛ]	[kɔyɛŋ]/[kɔyɛ]
2. kelmarin	[mayɛŋ]	[mayɛ]	[mayɛŋ]/[mayɛ]
3. misai	[misɛ]	[misa]	[misa]/[misɛ]
4. petai	[pətɛ]	[pəta]	[pəta]/[pətɛ]
5. tupai	[tupe]	[tupa]	[tupa]/[tupe]

Berdasarkan jadual 13, varian Yaha dapat dijeniskan kepada 3 ciri utama:

1. Kawasan ciri A ialah kawasan penyebaran ciri-ciri vokal varian Yaha, antaranya kawasan Kg. 1, 2, 3, dan 4.
2. Kawasan ciri B ialah kawasan penyebaran ciri-ciri vokal dialek luar atau dialek pendatang, antaranya kawasan Kg. 1, 5, 6 dan 7.
3. Kawasan ciri C ialah kawasan campuran dialek, antaranya kawasan Kg. 1.

Rajah 10

Peta Penyebaran Varian Yaha



Kawasan-kawasan varian pada Rajah 10 ditentukan berdasarkan penyebaran dan kesejajaran ciri-ciri fonologi, khususnya vokal yang diperhatikan di setiap kawasan kajian. Perbezaan dan persamaan yang terdapat di sesebuah kawasan atau subkawasan juga menentukan pembahagian kawasan-kawasan tersebut. Namun, aspek sejarah kampung-kampung yang dikaji juga turut diambil kira dalam pengelompokan kawasan untuk mengenal pasti situasi yang menyebabkan berlakunya tumpang tindih dialek di sesuatu kawasan. Pembahagian kawasan ini telah dilakukan atas sebab musabab yang jelas, iaitu kepentingan kriteria ciri linguistik dalam dialek yang dituturkan, selain mempertimbangkan latar atau sejarah asal usul sesebuah kampung untuk mengukuhkan lagi pengelompokan kawasan. Kajian dialektologi ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca dan dapat memberikan pengetahuan serta dijadikan bahan rujukan untuk pengkaji yang akan datang. Hasil kajian ini juga boleh didokumentasikan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat luar kerana seperti yang diketahui, DMP banyak dipengaruhi oleh bahasa Thai dan generasi muda pula kurang menggunakan dialek tempatan dalam hidup seharian mereka. Lebih banyak kajian dialektologi perlu dilakukan di kawasan-kawasan lain untuk mengenal pasti keunikan yang terdapat pada dialek kawasan

tersebut selain menonjolkan keistimewaan dialek Melayu Patani itu sendiri.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan makalah ini.

RUJUKAN

- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J., & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi* (Terj. Annuar Ayob). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robins, R. H. (1968). *General linguistics: An introductory survey*. Longman.
- Ruslan Uthai (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sareeyah Star, (2016). *Fonologi bahasa Melayu Patani varian Yala: Kajian kes di Kampung Saga dan Tannyung* (Tesis Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.